

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 23.5.2016

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa pihak Kementerian meneruskan kontrak YTL dalam 1BestariNet sedangkan Laporan Audit Negara 2014 melaporkan kegagalan YTL dalam fasa pertama 1BestariNet yang merugikan RM4.1 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1BestariNet adalah dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 tidak pernah menyatakan projek 1BestariNet gagal dan juga tidak menyatakan perbelanjaan fasa pertama 1BestariNet merugikan RM4.1 billion. KPM akan meneruskan projek 1BestariNet bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan urusan pentadbiran sekolah di seluruh negara tidak terjejas dan telah mengambil tindakan penambakan untuk menjamin kekurangan dalam fasa 1 tidak diulangi.